YISHUN SECONDARY SCHOOL
Subject & Code: Malay Language (Normal Tehnical) (1203)
Level & Stream: Sec 3 Normal Technical

<table>
<tr><th>The Curriculum and Approaches to Learning</th><th>Key Programmes / Competitions</th></tr>
<tr><td>
Matlamat program Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kecekapan berbahasa dan membolehkan pelajar mendalami dan menghargai bahasa dan budaya masyarakat Melayu dalam pelanjutan pembangunan negara. Pelajar diharap akan berupaya untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu baku bagi memenuhi keperluan diri dan membina hubungan sosial dalam konteks masyarakat majmuk Singapura dan masyarakat dunia.
Berikut adalah 4 kemahiran:
<table>
<tr><th>No</th><th>Kemahiran</th><th>Penjelasan</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>Mendengar</td><td>Keupayaan dan kecekapan pelajar mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam konteks dan dalam pelbagai pengucapan seperti perbualan, perbincangan, ucapan, ceramah, lakonan dan temu bual. Pelajar juga berupaya memberikan respons yang wajar.</td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Bertutur</td><td>Keupayaan pelajar menyampaikan perasaan, maklumat, pendapat dan idea secara lisan dengan menggunakan sebutan baku, intonasi, laras bahasa dan jeda yang betul. Kemahiran bertutur juga memberikan penekanan kepada kesantunan berbahasa dalam pengucapan dan penggunaan tatabahasa yang betul.</td></tr>
<tr><td>c)</td><td>Membaca</td><td>Keupayaan pelajar membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang sesuai dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Aspek pemahaman pelbagai bahan yang dibaca dan memberikan respons yang<br>wajar perlu diberikan penekanan.</td></tr>
<tr><td>d)</td><td>Menulis</td><td>Keupayaan pelajar menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, laras yang sesuai dan teknik penulisan yang pelbagai. Pelajar digalakkan menggunakan kreativiti dalam penulisan.</td></tr>
</table>
</td><td>
<ul>
<li>Dwi Minggu Bahasa</li>
<li>Program Membaca</li>
</ul>
</td></tr>
</table>

| Term / Week | Learning Experiences (chapter, activity) | Learning Outcomes & Assessment |
|---|---|---|
| **Penggal 1 (Minggu 1-10)**<br><br>Mother Tongue Languages Fortnight<br><br>Chinese New Year<br><br>Total Defence Day | **1) Pengenalan**<br><br>**2) Hal Pentadbiran**<br><br>**3) Unit 1: Keterampilan Diri**<br>• mendengar cerita dan mengenal pasti isi utama dan sampingan<br>• menjawab pelbagai soalan tentang teks dengan tepat<br>• mengubahsuaikan maklumat mengikut arahan dan memberikan contoh<br><br>**4) Unit 2: Ayuh, Kita Kembara!**<br>• menceritakan semula cerita yang didengar dengan menggunakan kosa kata yang sesuai dan ayat yang gramatis<br>• menyemak dan meneliti maklumat yang dikumpulkan sesuai dengan tugasan<br>• menjawab pelbagai soalan tentang teks dengan tepat<br><br>**5) Unit 3: Sepakat Membawa Berkat**<br>• mendengar dan menyampaikan pelbagai arahan dan pesanan tentang sesuatu perkara dengan tepat<br>• membaca lantang pelbagai teks prosa mudah di hadapan khalayak menggunakan sebutan baku dan intonasi yang sesuai<br>• mengembangkan idea utama dan idea sampingan dengan menggunakan kosa kata sesuai<br><br>**6) Ujian WA 1**<br><br>**7) Program Dwi Mingguan Bahasa Melayu** [Minggu 7-8] | 1) Kata Nama Am & Khas<br>2) Awalan ke-, peN-, beR-<br>3) Apitan ke-...-an<br>4) Ayat Tunggal<br>5) Subjek & Predikat<br>6) Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama, Kedua & Ketiga<br>7) Ayat Tanya<br>8) Peribahasa (Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis)<br>9) Kata Kerja & Ayat Tak Transitif<br>10) Simpulan Bahasa (lapang dada & jalan tengah) |
| **Penggal 2 (Minggu 1-10)**<br><br>Good Friday<br><br>Labour Day<br><br>Hari Raya Aidilfitri | **1) Unit 4: Terokai Singapura**<br>• menyusun maklumat yang didengar mengikut urutan<br>• menggabungkan idea-idea untuk menghasilkan idea baharu dalam penerangan<br><br>**2) Unit 5: Mengenali Perayaan**<br>• berbual tentang perkara yang berkaitan kehidupan harian dengan menggunakan kosa kata yang sesuai dan ayat yang gramatis<br>• menyusun maklumat mengikut keutamaan<br><br>**3) Unit 6: Generasi Hijau** | 1) Kata Kerja Transitif<br>2) Awalan meN-, apitan meN-...-kan, beR-...-an, beR-...-kan<br>3) Ayat Aktif Transitif<br>4) Kata Adjektif (Jarak, Bentuk & Perasaan)<br>5) Imbuhan di-, di-...-kan, di-...-i<br>6) Ayat Pasif<br>7) Kata Arah |

| | | |
|---|---|---|
| Vesak Day | • Bersoal jawab dan memberikan komen tentang sesuatu perkara dengan kosa kata yang sesuai<br>• Melaporkan sesuatu kejadian/ peristiwa dengan pelbagai ayat yang gramatis<br>• Meneliti dan mencatat maklumat yang diperlukan bagi pelbagai tujuan<br>**4) Ujian WA 2** | |
| **Penggal 3 (Minggu 1-10)**<br><br>Youth Day<br><br>Hari Raya Aidiladha<br><br>Racial Harmony Day<br><br>National Day | **1) Unit 7: Usaha Tangga Kejayaan**<br>• mengenal pasti mesej yang terdapat dalam puisi dan mengaitkannya dengan kehidupan harian<br>• menyusun idea dalam perenggan mengikut urutan cerita dengan menggunakan kosa kata yang sesuai<br><br>**2) Unit 8: Hidup Dikandung Adat**<br>• mendengar cerita dan mengenal pasti isi utama dan sampingan<br>• mengenal pasti mesej dan memberikan contoh yang sesuai<br>• memilih kosa kata atau ungkapan yang sesuai untuk penyampaian<br><br>**3) Unit 9: Indahnya Asia Tenggara**<br>• memahami maklumat yang didengar bagi tujuan membuat kesimpulan umum<br>• membina soalan tentang teks yang dibaca<br>• menghasilkan penyampaian menggunakan pelbagai alat media<br><br>**4) Unit 10: Jasamu Dikenang**<br>• memberikan pendapat dan saranan tentang sesuatu persembahan<br>• mengembangkan idea utama dan idea sampingan dengan menggunakan kosa kata yang sesuai<br><br>**5) Ujian WA 3** | 1) Kata Hubung<br>2) Ayat Majmuk Pancangan Keterangan<br>3) Imbuhan (Apitan meN-...-i, peN-...-an)<br>4) Peribahasa (Hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa)<br>5) Kata Akronim<br>6) Ayat Majmuk Gabungan<br>7) Kata Ganda Berentak<br>8) Akhiran –an, -kan, -i<br>9) Ayat Majmuk Pancangan Relatif<br>10) Kata Majmuk<br>11) Imbuhan Awalan se- & pe- |
| **Penggal 4 (Minggu 1-7)** | **1) Kefahaman Mendengar Peperiksaan Akhir Tahun**<br><br>**2) Ulang Kaji Peperiksaan Akhir Tahun**<br><br>**3) Peperiksaan Akhir Tahun** [Minggu 4-5] | |